

Dua tonggak utama Era Pasifik: PM

BH 24 MAY 1994

Oleh Manja Ismail dan Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, sistem pasaran dan keterbukaan serantau adalah dua tonggak utama pembentukan Era Pasifik yang masyarakatnya saling bekerjasama untuk keamanan dan kemakmuran bersama.

Menurut Perdana Menteri, negara Pasifik perlu memastikan kewujudan satu sistem pasaran yang mampu melepaskan ikatan kuasa perdagangan serta dapat menggunakan semua potensi sinergi di rantau Pasifik.

Selain itu, katanya, negara terbabit juga perlu memastikan pembangunan sistem ekonomi Pasifik yang benar-benar berpegang kepada konsep keterbukaan serantau.

"Era Pasifik kita juga mestilah dibina dengan asas yang kukuh dan lebih liberal bagi mengurangkan halangan ke atas aliran barangan dan perkhidmatan.

"Saya percaya kita perlu mengambil tindakan bagi mengurangkan halangan terhadap perniagaan yang dijalankan di luar Lembangan Pasifik," katanya menyampaikan ucapan dasar Era Pasifik - Satu Wawasan Bagi Masa Depan di mesyuarat agung Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC), di sini hari ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Naib Presiden Colombia, Juan Manuel Santos dan Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet. Lebih 500 ketua pegawai eksekutif menghadiri mesyua-

rat tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata, masyarakat Pasifik mestilah bersikap terbuka kepada dunia luar, eksport dan pelaburan, teknologi dan penembusan secara menyeluruh ekonomi dari bahagian lain di dunia.

Sehubungan itu, katanya, skim serantau lain seperti Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan kawasan perdagangan bebas di antara Australia dan New Zealand (ANZCERTA) mestilah berusaha mengurangkan segala halangan.

"Langkah yang sama harus diambil oleh mana-mana usaha di Asia Timur. Sebarang skim kerjasama ekonomi di Asia Timur, termasuk Perundingan Ekonomi Asia Timur, yang menjadi mangsa salah faham keterlambatan, mesti disemaikan dengan idea keserantauan terbuka," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan, bagaimana kuat sekalipun negara Pasifik, mereka tidak seharusnya lupa kepada kesejagatan dunia. Mereka mesti mengelak daripada perangkap yang menjadi punca kelemahan Eropah Barat itu.

"Kita di Pasifik tidak seharusnya lupa kepada kesejagatan. Masyarakat Pasifik yang akan kita bina tidak seharusnya terkongkong dan menindas orang lain.

"Adalah kurang bijak jika kita di Pasifik hanya bersatu

LIHAT MUKA 2

Dua tonggak utama Era Pasifik

DARI MUKA 1

untuk kepentingan sendiri, mengadakan benteng semata-mata bagi mengasingkan diri daripada orang lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, hubungan negara yang terbabit dalam pembentukan masyarakat Pasifik juga mestilah berasaskan nilai kemasyarakatan seperti dalam sebuah keluarga atau sekumpulan sahabat.

Beliau berkata, pembentukan masyarakat Pasifik sebenar atau kampung Pasifik mesti berasaskan pengetahuan dan semangat saling menghormati di antara satu sama lain.

Menurutnya, masyarakat sebenar Pasifik yang diperjuangkan sekarang bukan saja mesti kukuh, tetapi mempunyai semangat kesetiakawanan dan nilai kemasyarakatan.

"Oleh itu, negara Pasifik harus menerima hakikat bahawa sebahagian besar negara terbabit masih lagi asing di antara satu sama lain dengan tempoh perkenalan baru beberapa bulan.

"Ketika ini wujud ketidakseimbangan yang besar dari segi pengetahuan dan persefahaman. Kadangkala negara yang kurang mengetahui mengenai negara lain lebih cenderung memberitahu apa yang harus dilakukan oleh negara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, Era Pasifik tidak akan menjadi kenyataan jika semua pihak terbabit hanya bercakaran sesama sendiri, jika Pasifik itu sendiri dibahagikan atau jika diwujudkan blok perdagangan yang tidak seimbang.

Selain itu, katanya, ia juga akan gagal jika setiap negara terbabit tidak bersedia untuk berkongsi peraturan dan undang-undang seperti status ketutamaan dagangan (MFN) yang menjadi norma penting di kalangan kuasa ekonomi.

"Saya yakin anda juga akan bersetuju bahawa Era Pasifik tidak mungkin berkekalan jika kita tidak berlaku secara adil, jika kita tidak bersikap terbuka sesama sendiri," kata-